

27/07/1997

Pasport pintar bulan depan

KUALA LUMPUR: Kerajaan akan mengeluarkan pasport pintar mulai bulan depan bagi menghalang kegiatan pemalsuan pasport Malaysia, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, pasport pintar itu akan dilengkapi dengan cip yang dapat menyimpan maklumat serta gambar pemegangnya.

Menurut Dr Mahathir, pasport Malaysia yang dipalsukan dijual sehingga RM20,000 di pasaran gelap kerana ramai orang berusaha mendapatkannya untuk memasuki negara ini.

"Kelemahan pasport yang digunakan sekarang ialah pihak tertentu sudah berjaya menukar gambar pemiliknya dan menggunakan maklumat di pasport itu untuk memasuki negara ini," katanya dalam sidang akhbar selepas melancarkan 15 Konsep Permohonan Cadangan Tender (CRFP) untuk empat aplikasi perdana Koridor Raya Multimedia (MSC) di sini, semalam.

Perdana Menteri bagaimanapun berkata, melalui cip pintar yang akan dimasukkan ke dalam pasport itu, segala maklumat disimpan di dalamnya dan ini dapat menghalang pihak tidak bertanggungjawab, menukar gambar pemilik sebenar.

Penukaran pasport Malaysia yang membabitkan kira-kira 16 juta rakyat, dijangka dilakukan secara berperingkat sehingga 1999.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Tajol Rosli Ghazali, sebelum ini berkata pasport pintar itu juga digunakan untuk urusan lain, termasuk sebagai kad pengenalan, lesen memandu dan kad ATM.

Pelaksanaan itu adalah sebahagian daripada usaha kerajaan memperkenalkan urusan tanpa kertas menjelang akhir abad ini.

(END)